

Tajuk: Bengkel Pengemaskinian Dokumen ISO 9001:2015 bersama Pemilik Dokumen

Tarikh: 23 - 25 September 2026

Tempat: Pusat Kecemerlangan Kenegaraan Patriotisme, Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Kuala Lumpur

Ringkasan Program:

Bengkel Pengemaskinian Dokumen ISO 9001:2015 bersama Pemilik Dokumen anjuran Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah selamat melabuhkan tirai selepas berlangsung selama 3 hari 2 malam (23–25 September 2026) di Pusat Kecemerlangan Kenegaraan Patriotisme, Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk menyemak, memurnikan, dan mengemas kini prosedur kerja serta dokumen kualiti organisasi agar sentiasa relevan, teratur, dan mematuhi standard pengurusan kualiti antarabangsa secara berterusan.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Encik Zulhasmi bin Mohamad, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan mewakili Tuan Pengarah INSTUN. Pengisian hari kedua pula diselitkan dengan slot patriotisme "Aku Kasih Malaysia" daripada pihak AKM yang disampaikan oleh Puan Azrina selaku Sahabat Penggerak MADANI bagi menyemai semangat cintakan negara dalam kalangan peserta. Bengkel ini kemudiannya ditutup dengan rasminya pada hari ketiga oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim.









